



**KETUA PENGARAH IMIGRESEN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF IMMIGRATION, MALAYSIA**  
**JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**  
**(IMMIGRATION DEPARTMENT MALAYSIA)**  
NO. 15, TINGKAT 1-7 (PODIUM)  
15, 7TH FLOOR (PODIUM)  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
PERSIARAN PERDANA, PRECINT 2  
62550 PUTRAJAYA  
WILAYAH PERSEKUTUAN  
FEDERAL TERRITORY, MALAYSIA



Telefon : 603-8880 1005  
Faks : 603-8880 1201  
Portal Rasmi : [www.imi.gov.my](http://www.imi.gov.my)

“KEDAULATAN DAN KESELAMATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Ruj: IM.101/HQ-H/969/9 Jld.5 (44)  
Tarikh: 23 Jun 2020  
1 Zulkaedah 1441H

**Semua Pengarah Bahagian, Ibu Pejabat**  
**Semua Pengarah Imigresen Negeri**  
**Pengarah Imigresen KLIA**

YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan,

**PROSEDUR TERKINI KEMASUKAN WARGANEGARA ASING KE  
MALAYSIA BAGI EKSPATRIAT, PELAJAR ANTARABANGSA DAN  
LAWATAN PERUBATAN (MHTC)**

Dengan hormatnya perkara yang tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Jun 2020 telah bersetuju membenarkan warganegara asing bagi kategori berikut untuk masuk ke Malaysia tanpa perlu memohon kelulusan daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM):

- 2.1 Pas Penggajian (Kategori I)
- 2.2 Pas Residen – *Talent* (RPT)
- 2.3 Pas Tanggungan kepada kategori di Para 2.1 dan 2.2
- 2.4 Pembantu Rumah Asing kepada kategori di Para 2.1 dan 2.2



IMMIGRATION KLIA  
WORLD'S BEST  
IMMIGRATION SERVICE  
2010, 2011, 2013



3. Sebagai makluman, kemasukan bagi ekspatriat yang memegang Pas Penggajian (Kategori II), Pas Penggajian (Kategori III) dan Pas Lawatan Ikhtisas (Kategori Pakar) masih tertakluk kepada kelulusan daripada Ketua Pengarah Imigresen (KPI). Kerajaan juga telah mengumumkan berkenaan kemasukan pelajar antarabangsa dan lawatan perubatan (MHTC) tertakluk kepada kelulusan dari JIM.

4. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan prosedur (sila rujuk **Lampiran A1 – A3**) yang perlu dipatuhi sebelum dan semasa ketibaan ke Malaysia bagi warganegara asing yang termasuk dalam kategori yang dinyatakan di Para 2, pelajar antarabangsa dan lawatan perubatan (MHTC).

5. Prosedur terkini ini adalah berkuat kuasa mulai **24 Jun 2020**. Dipohon kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan untuk memaklumkan kepada semua pintu masuk berkenaan arahan ni. Perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“INTEGRITI PROFESIONAL MESRA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' INDERA KHAIRUL DZAIMÉE BIN DAUD)**

## **SALINAN KEPADA**

- 1) Ketua Setiausaha  
Kementerian Luar Negeri  
Wisma Putra, No 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2,  
**62602 PUTRAJAYA**
- 2) Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri, Blok D1, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran, Kerajaan Persekutuan,  
**62546 PUTRAJAYA**
- 3) Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62590 PUTRAJAYA**
- 4) Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pengajian Tinggi,  
Aras 17, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62200 PUTRAJAYA**
- 5) Ketua Pengarah  
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)  
Aras B1, 6 & 7, Blok D5,  
Kompleks D Pusat Pentadbiran Kerajaan, Presint 1,  
**62502 PUTRAJAYA**
- 6) YBhg. Dato' Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Kawalan)
- 7) Chairman  
Airlines Operator Committee (AOC) KLIA & KLIA2  
Lot N2-N3, Mezzanine Floor, Main Terminal Building,  
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)  
64000 Sepang, **SELANGOR**
- 8) Semua Atase Imigresen
- 9) Pasukan Task-Force Covid-19 Kementerian Luar Negeri

1. **PROSEDUR KEMASUKAN EKSPATRIAT WARGANEGARA ASING  
(SEPERTI KATEGORI DI PARA 2)**

- 1.1 Menjalani ujian PCR atau ujian *swab* COVID-19 dengan keputusan negatif dalam tempoh **tiga (3) hari** sebelum kemasukan ke Malaysia;
- 1.2 Memuat turun aplikasi MySejahtera di telefon pintar dan melengkapkan semua maklumat yang diperlukan;
- 1.3 Menjalani ujian saringan COVID-19 di pintu masuk;
- 1.4 Menjalani *self-quarantine* di kediaman sendiri selama 14 hari dengan mematuhi prosedur kuarantin yang telah ditetapkan oleh NADMA dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kecuali bagi warganegara asing yang tiba dari negara yang berada di Zon Hijau (Brunei, Singapura, New Zealand dan Australia); dan
- 1.5 Mematuhi prosedur kemasukan ke Malaysia dan pemeriksaan imigresen sedia ada.

**2. PROSEDUR KEMASUKAN PELAJAR ANTARABANGSA YANG BELAJAR DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM / SWASTA (IPTA / IPTS) DAN SEKOLAH ANTARABANGSA DI MALAYSIA**

- 2.1 Pelajar perlu mendaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pengesahan dari KPT / KPM perlu diperoleh terlebih dahulu melalui EMGS sebelum permohonan kemasukan dikemukakan kepada JIM untuk kelulusan;
- 2.2 Menjalani ujian PCR atau ujian swab COVID-19 dengan keputusan negatif dalam tempoh **tiga (3) hari** sebelum kemasukan ke Malaysia;
- 2.3 Memuat turun aplikasi MySejahtera di telefon pintar dan melengkapkan semua maklumat yang diperlukan;
- 2.4 Menjalani ujian saringan COVID-19 di pintu masuk;
- 2.5 Menjalani *self-quarantine* di kediaman sendiri selama 14 hari dengan mematuhi prosedur kuarantin yang telah ditetapkan oleh NADMA dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kecuali bagi warganegara asing yang tiba dari negara yang berada di Zon Hijau (Brunei, Singapura, New Zealand dan Australia); dan
- 2.6 Mematuhi prosedur kemasukan ke Malaysia dan pemeriksaan imigresen sedia ada. IPTA / IPTS / Sekolah Antarabangsa perlu memastikan bahawa prosedur tersebut dipatuhi sepenuhnya bagi mengelakkan kesulitan di pintu masuk.

3. **PROSEDUR KEMASUKAN WARGANEGARA ASING BAGI TUJUAN LAWATAN PERUBATAN**

- 3.1 Pesakit dan **seorang (1) pengiring** perlu mendaftar melalui *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC) terlebih dahulu dan senarai nama pemohon yang telah didaftarkan perlu dikemukakan oleh MHTC kepada JIM.
- 3.2 JIM akan meneliti senarai nama pesakit dan pengiring dan memberikan kelulusan kepada MHTC bagi dimaklumkan kepada pemohon. Surat kelulusan kemasukan ke Malaysia akan dikeluarkan oleh MHTC dan perlu dikemukakan kepada Pegawai Imigresen di pintu masuk semasa ketibaan.
- 5.1 Sebelum kemasukan, pesakit dan seorang pengiring perlu menjalani ujian PCR atau ujian *swab* COVID-19 dengan keputusan negatif dalam tempoh **tiga (3) hari** sebelum kemasukan ke Malaysia selepas kelulusan dari JIM diperolehi.
- 5.2 Kuarantin wajib tidak diperlukan dan pesakit serta pengiring perlu dibawa terus ke hospital yang diuruskan oleh pihak MHTC sebaik sahaja ketibaan.